

## **SALUTASI MAJLIS**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM..**

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin**

**Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Dekan-Dekan dan Pengarah

Staf-Staf UTeM

Dan Mahasiswa-Mahasiswi yang dikasih sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Salam Keluarga UTeM.

**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**MAJLIS PELANCARAN SASANA NIAGA UNIVERSITI TEKNIKAL  
MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

*18 Januari 2023, Sasana Niaga UTeM, 8.00 malam*

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## **SALUTASI**

-Seperti di lampiran

1. Alhamdullillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah SubbahanaHu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pada hari ini di Majlis Pelancaran Sasana Niaga UTeM.
  
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan pengajuran majlis pelancaran ini yang


sememangnya sangat meriah dengan kehadiran pelajar-pelajar UTeM. Saya percaya majlis pada hari ini merupakan satu khabar gembira kepada pelajar yang sentiasa menginginkan kemudahan yang signifikan bagi menjalani kehidupan kampus yang kondusif.

Warga UTeM yang saya kasihi sekalian,

3. Untuk makluman semua, Sasana Niaga sebelum ini dikenali sebagai Permatang Pelajar telah memulakan operasinya pada 10 Oktober 2010. Walau bagaimanapun pengoperasian Permatang Pelajar tergendala pada Disember 2015 akibat

mengalami kerosakan teruk pada bumbung tapak perniagaan tersebut.

4. Walaubagaimanapun, Projek Naik Taraf ruang Permatang Pelajar telah dilaksanakan pada 2017 dan siap sepenuhnya sekitar Mei 2018 dengan penjenamaan nama baru kepada Sasana Niaga. Pun begitu, Pandemik COVID-19 yang telah melanda dunia telah menyebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang tahun 2020-2021. Ini telah memberi kesan terhadap pengoperasian Sasana Niaga dan telah menyebabkan ianya berhenti beroperasi.

- 
5. Alhamdulillah, kini di bawah pengurusan Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Sasana Niaga telah kembali beroperasi semula dimana terdapat beberapa lot kedai yang telah beroperasi antaranya Malaqa Coffeehouse, Takoyaki Jepang, Waffle, Oden dan pelbagai lagi.
  6. Sekadar makluman semua, usahawan di Sasana Niaga merupakan pelajar aktif di UTeM. Terdapat juga di antara usahawan yang berkolaborasi dengan Alumni UTeM. Misalnya, pemilik Takoyaki Jepang telah berkolaborasi

dengan Alumni UTeM (FPTT) yang kini telah memiliki jenama sendiri dan lebih 17 cawangan seluruh Malaysia. Diharapkan kolaborasi ini akan merancakkan lagi aktiviti keusahawanan di kampus dan hasrat universiti dalam menghidupkan suasana malam di kampus dapat direalisasikan.



Warga UTeM sekalian,

7. UTeM sangat menitiberatkan kemudahan pelajar untuk memastikan pelajar dapat menjalani kehidupan kampus (*Campus Life*) secara kondusif. Ini adalah sejajar dengan

## Teras Strategik UTeM ke 4 – Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti.

8. Saya percaya kemudahan-kemudahan seperti ini perlu diperbanyak lagi bagi memastikan persekitaran yang ceria dan meriah selaras dengan keperluan pelajar pada masa kini. Lokasi UTeM yang agak jauh dari bandar terdekat iaitu Ayer Keroh telah menyebabkan akses kemudahan pelajar agak terhad. Oleh yang demikian, saya bersama-sama warga UTeM telah mengambil inisiatif memperhebatkan lagi kemudahan-kemudahan di dalam kampus.

9. Selain Sasana Niaga ini, kita juga turut mempunyai kemudahan lain yang diwujudkan khas untuk memenuhi keperluan pelajar. Antaranya adalah pasar malam di dalam kampus, Kafe Richiamo dan Insyaallah kemudahan-kemudahan lain yang akan menyusul nanti.
10. Diharapkan melalui segala kemudahan yang disediakan ini akan dapat membuat pelajar berasa gembira berada di dalam kampus seterusnya mempengaruhi motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh.

11. Sempena majlis pelancaran hari ini juga para usahawan di Sasana Niaga memberi potongan diskaun dan pelbagai promosi menarik. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjemput semua warga UTeM ke Sasana Niaga bagi memberikan sokongan kepada usahawan pelajar kita.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada CREATE, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan semua yang terlibat di atas kejayaan pengoperasian semula Sasana Niaga dan semoga usaha untuk mencetuskan ekosistem rancak ini berterusan untuk kebaikan kita bersama.

13. Dengan lafaz bismilahirahmanirahim, saya melancarkan Pengoperasian Sasana Niaga Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

